

22/01/2000

Khidmat komuter hingga Batu Caves

Johnny Giles Senin

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan akan membina landasan kereta api berkembar antara Sentul dan Batu Caves bagi membolehkan perkhidmatan komuter Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) diteruskan sehingga ke Batu Caves.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S Samy Vellu, berkata sebuah syarikat swasta sudah diberi tanggungjawab membina landasan berkenaan bagi memudahkan penganut Hindu dan pelancong yang ingin mengunjungi Batu Caves.

"Bila siap pintu pagar perkhidmatan keretapi yang sedia ada akan ditutup kerana Jabatan Kerja Raya merancang membina jejantas panjang yang akan merentasi landasan itu dan jambatan Sungai Batu, di situ.

"Selain itu, sebuah stesen komuter dengan reka bentuk seni bina Hindu juga akan dibina di situ.

"Jejantas itu pula akan memudahkan orang ramai berulang alik dari stesen komuter Batu Caves berkenaan ke kawasan kuil," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis sambutan Thaipusam di Batu Caves, di sini hari ini.

Kini, perkhidmatan Komuter KTM hanyalah wujud di antara Pelabuhan Klang ke Sentul dan dari Rawang ke Seremban.

Samy Vellu berkata selain itu, syarikat berkenaan juga bersetuju untuk memberikan sebuah kenderaan bermotor yang dianggarkan berharga RM50,000 bagi memudahkan patung dewa Murugan diarak dengan mudah dari Kuil Sri Maha Mariaman di Jalan Tun H S Lee di sini, ke Kuil Sri Subramaniaswamy di Batu Caves.

Sebelum ini, patung dewa Murugan diarak menggunakan kereta berhias yang diperbuat daripada perak yang ditarik oleh lembu jantan.

Mengenai cadangan menjadikan Thaipusam sebagai cuti am di seluruh negara pula, beliau yang juga Presiden MIC, berkata MIC sudah mengemukakan cadangan itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Perdana Menteri meminta MIC membuat permohonan menjadikan Thaipusam sebagai cuti am, kepada kerajaan negeri terlebih dahulu," katanya.

Setakat ini hanya Selangor, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan dan Johor saja yang mengisytiharkan Thaipusam sebagai cuti am.

Samy Vellu berkata dalam jangka masa terdekat ini, beliau akan mengadakan perbincangan dengan kerajaan Melaka, Kedah dan Pahang bagi membolehkan Thaipusam diisytiharkan sebagai cuti am di negeri berkenaan.

Ditanya rancangan pembangunan di kawasan Batu Caves, Samy Vellu berkata pihaknya akan membina sebuah asrama yang mempunyai 100 bilik dan menyediakan perkhidmatan kereta kabel di situ bagi kemudahan penganut Hindu dan pelancong.

(END)